

Mahasiswa UMSKAL curah ilmu kepada pelajar KML

UR 6.12.2014 BI

MAHASISWA Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) berkongsi pengalaman dan ilmu kepada pelajar Kolej Matrikulasi Labuan (KML) sempena program Sharing To Success 2014.

Program anjuran Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRS) UMSKAL yang dibimbing Pegawai Psikologi dan Kaunseling, Nur Iman Reedzal itu diadakan di Bilik Seminar, Bangunan Menara, kelmarin.

Seramai 40 pelajar KML yang terdiri daripada Jawatankuasa Ketua Mentor Mentee (Jaktee) diiringi Penolong Pengarah Hal Ehwal Pelajar, Zaemah Suhaili bersama dua Pegawai Kaunseling, Sadiyah Jakob dan Hajah Kamsi @ Kamsiah Adil.

Menurut Sadiyah, program itu memberi ruang dan peluang kepada pelajar KML untuk berinteraksi dengan mahasiswa UMSKAL dari segi akademik, pengajaran dan pembelajaran serta kehidupan di kampus.

Selain itu, katanya, lawatan itu mahu meneroka peluang lebih luas pelajar KML di UMS Labuan.

“Program itu seharusnya memberi inspirasi dan motivasi kepada pelajar KML untuk belajar lebih gigih mendapat keputusan yang cemerlang sebelum melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi,” katanya. Sementara itu, Nur Iman yang mewakili

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik mengalu-alukan kunjungan dan kerjasama KML dalam program anjuran Pembimbing Rakan Siswa universiti itu.

Katanya, program yang julung kalinya diadakan itu diisi dengan pelbagai aktiviti termasuk taklimat akademik dan perkongsian pembelajaran bersama mahasiswa.

“Saya berharap kedua-dua pihak akan mendapat manfaat daripada penganjuran program Sharing To Success kali ini,” katanya.



PELAJAR Kolej Matrikulasi Labuan dan mahasiswa UMS Kampus Antarabangsa Labuan mengadakan program *Sharing To Success 2014*.